

Penyu mati makan minyak hitam

Sinar Harian 23/3/2018 m/s 36

Cecair pekat berwarna hitam keluar daripada perut, mati seminggu lalu

kata, pihaknya menerima laporan daripada pengusaha resort.

“Hasil pemeriksaan mendapati terdapat cecair pekat berwarna hitam keluar daripada perut dipercayai akibat memakan minyak hitam dan cecair hitam itu juga banyak ditemui dalam usus.

“Cecair hitam itu daripada bebola tar (*tar ball*) yang hanyut di sekitar perairan Pulau Sibul sejak 10 Mac lalu,” katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Penyu betina dewasa itu dianggar seberat 60 kilogram dipercayai telah mati seminggu lalu berikutan keadaan bangkai yang membusuk.

Lima anggota JTLM Johor telah menanam bangkai pe-



Anggota JTLM Johor mengukur penyu betina yang ditemui mati dengan kesan minyak hitam di pantai Pulau Sibul.

nyu itu di kawasan pantai tersebut setelah selesai menjalankan pemeriksaan.

Dalam pada itu, Bahrinah menyeru semua pihak berkaitan agar lebih bertanggung-

jawab dalam menjalankan pemeriksaan dan pembersihan kapal.

“Ini bagi mengelakkan kesan buruk secara tidak langsung kepada hidupan marin.

“Kami memuji tindakan segera dan kerjasama baik komuniti Pulau Sibul dalam usaha memelihara kelestarian pulau ini,” katanya.

Semalam, seramai 90 sukarelawan daripada pelbagai agensi kerajaan, syarikat swasta, resort dan komuniti setempat menjalankan kerja-kerja pembersihan pantai Pulau Sibul susulan penemuan minyak hitam yang terdampar sepanjang pantai.

RAZIATUL HANUM A RAJAK

MERSING

Sekor penyu spesies agar menjadi korban pertama kes minyak hitam hanyut apabila ditemui mati di pantai Pulau Sibul, semalam.

Pengarah Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) Negeri Johor, Bahrinah Bahrim ber-